BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 05/17/09

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Jumaat, 19 Mei 2017

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2017

Ekonomi Malaysia berkembang 5.6% pada suku pertama 2017

Pertumbuhan yang lebih tinggi disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh, khususnya perbelanjaan sektor swasta. Dari segi penawaran, pertumbuhan yang lebih baik ini didorong terutamanya oleh sektor pertanian yang kembali pulih dan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang 1.8% (S4 2016: 1.3%). Inflasi keseluruhan meningkat kepada 4.3% disebabkan harga bahan api yang lebih tinggi.

Pasaran Kewangan Domestik Terus Stabil

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur. Walaupun bahagian sekuriti hutang awam terkumpul yang dipegang oleh bukan pemastautin menurun kepada 24.7% (S4 2016: 30.6%), pelabur institusi domestik dapat menyerap aktiviti penjualan oleh bukan pemastautin. Pelabur jangka panjang terus menjadi pemegang utama sekuriti domestik. Pertumbuhan hutang isi rumah terus menjadi perlahan kepada 5.2% (S4 2016: 5.4%). Keadaan pembiayaan telah menyokong aktiviti ekonomi dengan peminjam yang layak terus mendapat akses kepada pembiayaan.

Pada masa hadapan, ekonomi Malaysia dijangka disokong oleh permintaan dalam negeri

Ekonomi Malaysia dijangka kekal di atas landasan untuk mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada tahun 2017. Permintaan dalam negeri diunjurkan untuk terus berkembang. Eksport dijangka meraih manfaat daripada pertumbuhan global yang bertambah baik. Inflasi dijangka menurun pada suku kedua dan seterusnya, walaupun mencatat peningkatan pada suku pertama.

Bank juga ingin membincangkan dua isu semasa. Yang pertama - "Perbankan Pusat dan Ketidaksamaan: Perbincangan Semasa" – membincangkan kesan ketidaksamaan terhadap keberkesanan dasar monetari. Kedua, "Ekonomi Perkongsian – Memanfaatkan Nilai Aset yang Terbiar" – meninjau tentang manfaat, kebimbangan dan pertimbangan dasar yang diperlukan untuk memajukan lagi ekonomi perkongsian di Malaysia.

Bank Negara Malaysia
19 Mei 2017

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual: KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

Pertumbuhan tahunan	Bahagian 2016 (%)	2016			2017
		S1	S4	Tahun	S1
Perkhidmatan	54.3	5.1	5.5	5.6	5.8
Perkilangan	23.0	4.6	4.7	4.4	5.6
Perlombongan	8.8	-1.2	5.0	2.2	1.6
Pertanian	8.1	-3.8	-2.5	-5.1	8.3
Pembinaan	4.5	8.0	5.1	7.4	6.5
KDNK Benar	**100.0**[1]	**4.1**	**4.5**	**4.2**	**5.6**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my